#### Larangan terhadap pemusnahan rekod awam

25. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah, memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam yang dalam jajaan atau di bawah kawalan orang itu.

(2) Seseorang yang berniat untuk memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam hendaklah—

(a) memberitahu Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan tentang niat untuk berbuat demikian; dan

(b) dalam pemberitahuan itu, menyatakan sifat rekod awam yang berkenaan.

(3) Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana rekod awam yang dinyatakan dalam pemberitahuan di bawah subseksyen (2) dijadikan tersedia untuknya bagi pemeriksaannya dan dia boleh memeriksa rekod itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "jadual pelupusan rekod" ertinya jadual yang mengenal pasti rekod yang mempunyai nilai arkib untuk dipelihara dan membenarkan pemusnahan rekod yang tinggal selepas luput tempoh pengekalan yang ditentukan.

#### Pemindahan rekod awam ke Arkib Negara

28. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), rekod awam yang berikut yang dalam jagaan atau di bawah kawalan sesuatu pejabat awam hendaklah dipindahkan oleh ketua pentadbir pejabat awam itu kepada jagaan dan kawalan Arkib Negara:

- (a) mana-mana rekod awam yang telah ditamatkan bagi tempoh yang lebih daripada lima tahun;
- (b) mana-mana rekod yang dihasilkan secara elektronik; dan
- (c) mana-mana rekod awam bukan semasa yang pada pendapat Ketua Pengarah mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya.

(2) Rekod yang dihasilkan secara elektronik hendaklah dipindahkan dengan segera apabila rekod itu tidak lagi aktif.

(3) Ketua Pengarah boleh menangguhkan pemindahan mana-mana rekod awam jika dia berpuas hati bahawa oleh sebab sifat rekod awam yang berkenaan, pemindahan segera rekod awam itu akan menjejaskan pentadbiran mana-mana pejabat awam atau bertentangan dengan kepentingan awam.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai membenarkan pemindahan rekod terperingkat kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pejabat awam yang berkenaan.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan atau meluaskan undang-undang yang berhubungan dengan hakcipta.

#### Rekod awam hendaklah diserahkan apabila diminta

29. (1) Seseorang yang, sebagai orang yang bukan pekhidmat awam dengan kebenaran khas untuk menyimpan dan mengendalikan

(3) Bagi maksud Akta ini, sesuatu pejabat awam hendaklah disifatkan tidak berfungsi lagi jika pejabat awam itu tidak lagi beroperasi dan tidak ada pengganti bagi tugas dan fungsi pejabat awam itu.

#### **Pemerolehan bukan rekod awam**

31. Ketua Pengarah boleh memperoleh apa-apa rekod yang bukan rekod awam yang pada pendapatnya adalah atau mungkin mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya.

#### **Penyerahsimpanan rekod**

32. (1) Semua rekod yang dikehendaki di bawah Akta ini supaya dipindahkan atau diserahkan kepada, atau disimpan dengan Arkib Negara hendaklah diserahkan simpan di Arkib Negara atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Dalam mana-mana hal apabila apa-apa jenis rekod diserahkan simpan di Arkib Negara menurut Akta ini, Ketua Pengarah hendaklah menerima dan menyimpan rekod itu mengikut cara dan bagi maksud yang diarahkan oleh Akta ini, dan hendaklah membuat apa-apa nota atau catatan pada, dan memberikan akuan penerimaan berkenaan dengan rekod itu sebagaimana yang perlu.

#### **Penubuhan Pusat Rekod dan Pusat Rekod Agensi**

33. (1) Bagi maksud Akta ini, Ketua Pengarah boleh menubuhkan, menyenggarakan dan mengendalikan Pusat-Pusat Rekod.

(2) Sesuatu Pusat Rekod hendaklah bertanggungjawab bagi penyimpanan, pemprosesan dan penyenggaraan rekod dalam Pusat Rekod itu.

(3) Ketua Pengarah boleh menasihati dan membenarkan penubuhan Pusat Rekod Agensi untuk dikendalikan oleh pejabat awam yang hendaklah bertanggungjawab bagi penyenggaraan dan pemeliharaan rekod pejabat awam itu dalam Pusat Rekod Agensi itu.

- (d) jika perlu, dipindahkan ke dalam bentuk rakaman mikrofilem, salinan fotografi atau apa-apa bentuk penyimpanan lain.

#### Akses kepada arkib awam

37. (1) Tertakluk kepada Akta ini dan syarat yang di bawahnya arkib awam dijadikan tersedia untuk atau diserahkan simpan di Arkib Negara, arkib awam hendaklah dijadikan tersedia untuk orang ramai selepas dua puluh lima tahun dari tarikh tamat rekod atau bahan yang membentuk arkib awam itu atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Ketua Pengarah hendaklah, tertakluk kepada apa-apa syarat, sekatan atau tatacara yang ditetapkan, menyediakan kemudahan yang munasabah untuk membolehkan orang ramai membuat rujukan kepada dan memperoleh salinan atau cabutan daripada arkib awam.
- (3) Pegawai wajar boleh menjadikan tersedia untuk orang ramai, tertakluk kepada apa-apa syarat, sekatan atau tatacara yang ditetapkan, apa-apa arkib awam untuk rujukan, penyelidikan atau maksud lain.
- (4) Apa-apa kehendak yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang bertulis lain bahawa apa-apa jenis arkib awam dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara hendaklah dijadikan tersedia untuk rujukan adalah dipenuhi dengan penyediaan bagi rujukan rakaman mikrofilem, salinan fotografi rekod terperingkat itu atau apa-apa bentuk penyimpanan lain arkib awam itu.
- (5) Tiada seorang pun boleh membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana arkib awam kecuali mengikut Akta ini.
- (6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
- (7) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), (2), (3), (4) dan (5), akses kepada arkib awam hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

**Larangan terhadap penghasilan semula dan penerbitan arkib awam**

39. (1) Tiada seorang pun boleh menghasilkan semula atau menerbitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan mana-mana arkib awam kecuali—

- (a) dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah;
- (b) mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan; dan
- (c) apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan atau meluaskan undang-undang yang berkaitan dengan hakcipta.

**BAHAGIAN VI****PENUBUHAN DAN PENGURUSAN ARKIB MENTERI  
DAN ARKIB MEMORIAL****Penubuhan arkib menteri dan arkib memorial**

40. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas berunding dengan Menteri, menubuhkan arkib menteri dan arkib memorial.

(2) Arkib menteri dan arkib memorial yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disenggarakan dan dikendalikan oleh Arkib Negara sebagaimana yang ditetapkan.

**Bahan yang hendak diserahkan simpan di arkib menteri dan arkib memorial**

41. Bagi maksud seksyen ini, maka hendaklah diserahkan simpan—

- (a) dalam arkib menteri, segala rekod menteri yang berkaitan dan apa-apa bahan atau objek lain yang diperuntukkan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; atau
- (b) dalam arkib memorial, segala arkib memorial yang berkaitan dan apa-apa bahan atau objek lain yang



(2) Apa-apa rakaman mikrofilem, salinan fotografi atau cabutan yang berupa mengandungi tandatangan pegawai wajar dan meterai rasmi Ketua Pengarah hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disahkan sewajarnya dengan kuasa Ketua Pengarah.

(3) Maka hendaklah dibayar fi yang ditetapkan bagi pengesahan di bawah seksyen ini apa-apa rakaman mikrofilem, salinan fotografi atau cabutan atas permohonan mana-mana orang.

#### Larangan terhadap eksport

44. (1) Tiada seorang pun, selain pegawai wajar, boleh membawa atau menghantar ke luar Malaysia apa-apa arkib kecuali—

(a) dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah; dan

(b) mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

#### Peraturan-peraturan

45. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

(a) menetapkan tatacara bagi pewujudan, pengelasan dan pengurusan rekod awam semasa;

(b) menetapkan tatacara bagi kajian semula, pengelasan semula atau penghapusan pengelasan apa-apa rekod yang dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara;

(c) menetapkan borang bagi maksud Akta ini;

(d) menetapkan fi yang kena dibayar di bawah Akta ini;

## BAHAGIAN VIII

## ARKIB NEGERI

**Penubuhan Arkib Negeri**



48. (1) Sesuatu Kerajaan Negeri boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, melalui perintah, menubuhkan Arkib Negeri.

(2) Peruntukan seksyen 4 hingga 47 Akta ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi Arkib Negeri sebagaimana yang terpakai bagi Arkib Negara, terutamanya dan tertakluk kepada yang berikut:

- (a) hendaklah dibaca bagi perkataan "sepuluh" dalam perenggan 14(1)(c), perkataan "enam";
- (b) sebutan tentang Menteri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang Menteri Besar atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ketua Menteri bagi Negeri itu; dan
- (c) sebutan tentang setiap Majlis Parlimen dalam subseksyen 46(2) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang Dewan Undangan Negeri bagi sesuatu Negeri.


**PANDUAN  
PENGUNAAN  
JADUAL  
PEMISAHAN  
REKOD AM**

MAJOMAS  
MAJOMAS  
MAJOMAS  
MAJOMAS  
MAJOMAS




JADUAL  
PEMISAHAN  
REKOD  
AM





**JADUAL  
PEMISAHAN  
REKOD  
AM**

**ARKIB NEGARA MALAYSIA  
1997**





## TAJUK KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

Pendahuluan.	(i)
Panduan Penggunaan Jadual Pemisahan Rekod Am.	1
Jadual Pemisahan Rekod Am.	1
Tujuan.	1
Definisi.	2
Skop Jadual Pemisahan Rekod Am.	5
Limitasi Penggunaan Jadual.	6
Kuasa Jadual.	6
Cara-cara Pemisahan Rekod Di dalam Jadual Pemisahan Rekod Am.	7
Pemisahan Rekod-rekod 'Housekeeping' Di luar Jadual Pemisahan Rekod Am.	9
Bantuan Dalam Penggunaan Jadual.	10
Penyusunan Jadual Pemisahan Rekod.	11
Jadual 1 Rekod Pentadbiran.	12
Jadual 2 Rekod Bangunan dan Harta.	51
Jadual 3 Rekod Kelengkapan dan Bekalan.	62
Jadual 4 Rekod Personel.	84

## LAMPIRAN

<u>TAJUK</u>	<u>LAMPIRAN</u>
Akta Arkib Negara No. 44 Tahun 1966.	1
Borang Makluman Pemusnahan Rekod PR 1/95.	2
Surat Pekeliling Am Bilangan 23/1972.	3
Surat Kementerian Kewangan mengenai Pelupusan Bahan-bahan Bercetak/Kertas Terpakai daripada Kementerian/Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun bertarikh 3 November 1993.	4
Arahan Perbendaharaan 299.	5
Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1986).	6
Pemusnahan Dokumen Terperingkat (Petikan dari Buku Arahan Keselamatan).	7
Senarai Cawangan-cawangan Arkib Negara Malaysia.	8

## PENDAHULUAN

Menurut Akta Arkib Negara Malaysia No. 44 tahun 1966, "Public Records" (Rekod Awam) ialah "papers, documents, records, registers, printed materials, books, maps, plans, drawings, photographs, microfilms, cinematograph films and sound recordings of any kind whatsoever, officially received or produced by any public office for the conduct of its affairs or by any officer or employee of a public office in the course of his official duties". Sebahagian besar dari kumpulan arkib yang disimpan di Arkib Negara Malaysia terdiri dari rekod awam.

Selaras dengan objektif utama Jabatan ini untuk mengumpul dan memelihara segala rekod negara yang mempunyai nilai-nilai kebangsaan dan sejarah dan selaras dengan kemampuan sesebuah negara untuk memelihara hanya 'core archives' rekod-rekod awam perlu melalui proses yang akan mengurangkan jumlahnya.

Oleh kerana pertambahan rekod yang amat pesat dialami di Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan, Arkib Negara Malaysia telah berusaha membantu Jabatan/Agensi Kerajaan mengendalikan rekod-rekod mereka serta mengatasi kesesakan ruang simpanan rekod melalui pengurusan rekod yang sistematik. Salah satu daripada usaha tersebut adalah dengan menyediakan Jadual Pemisahan Rekod, iaitu satu Jadual untuk menentukan tindakan pemisahan keatas rekod-rekod yang tidak aktif di Jabatan/Agensi Kerajaan, iaitu samada dimusnahkan atau disimpan kekal di Arkib Negara Malaysia. Jadual Pemisahan Rekod yang dibuat merangkumi rekod 'Housekeeping' dan rekod 'Functional'.

(ii)

Untuk kali ini Arkib Negara Malaysia telah menyediakan satu Jadual Pemisahan Rekod khusus untuk Rekod-rekod Am (Housekeeping) iaitu satu kumpulan rekod yang memberi sokongan kepada perjalanan jentera sesebuah Jabatan/Agensi. Rekod-rekod ini pada umumnya terdapat disetiap Jabatan/Agensi. Jadual Pemisahan Rekod Am ini meliputi Siri Rekod-rekod Pentadbiran, Siri Rekod-rekod Bangunan dan Harta, Siri Rekod-rekod Kelengkapan dan Bekalan serta Siri Rekod-rekod Personel. Siri Rekod-rekod Kewangan akan disediakan berasingan. Kerja-kerja ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 1990 oleh pegawai-pegawai Arkib Negara Malaysia, yang diketuai oleh Pengarah Pengurusan Rekod dan Arkib pada ketika itu.

Di dalam penyediaan Jadual Pemisahan Rekod Am ini, saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Pegawai-pegawai Arkib Negara Malaysia iaitu Tuan Hj. Hassan b. Mohd., Puan Hajah Rahani bt. Jamil, Encik G. Alfonso, Tuan Haji Mohd. Jamil b. Jalaluddin, Puan Daresah bt. Hj. Ismail, Cik Mary Tay Chwee Geok, Cik Samariah bt. Mohd. Ali, Encik Shaidin b. Shafie, Puan Saenah bt. Bahari, Puan Liang Poh Chu dan Encik S. Adikalasamy serta kakitangan Arkib Negara Malaysia yang lain yang turut membantu dalam usaha menyediakan Jadual Pemisahan Rekod Am ini.

**PUAN HABIBAH BT. ZON**  
**KETUA PENGARAH,**  
**ARKIB NEGARA MALAYSIA.**

MAC 1996.

**PANDUAN PENGGUNAAN**  
**JADUAL PEMISAHAN REKOD AM**

**1. Jadual Pemisahan Rekod Am**

Jadual Pemisahan Rekod Am ialah suatu jadual yang menentukan tindakan pemisahan keatas rekod-rekod 'Housekeeping' yang tidak aktif di Jabatan/Agensi Kerajaan, iaitu samada dimusnahkan ataupun dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia untuk simpanan kekal.

**2. Tujuan**

Jadual Pemisahan Rekod Am dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia bagi membantu Jabatan/Agensi Kerajaan dalam pengurusan rekod-rekod 'Housekeeping'. Jadual berkenaan disediakan untuk mencapai tujuan-tujuan berikut:

- 2.1. mengadakan tempoh simpanan rekod yang seragam untuk rekod-rekod 'Housekeeping' yang wujud di semua Jabatan/Agensi Kerajaan;
- 2.2. mengelakkan keperluan setiap Jabatan/Agensi Kerajaan menyediakan Jadual Pemisahan Rekod yang berasingan untuk rekod-rekod 'Housekeeping' yang sejenis;
- 2.3. menghasilkan kecekapan dan menjimatkan kos dari segi ruang, peralatan dan tenaga kerja melalui:

- 2.3.1. pemindahan secara sistematik rekod-rekod 'Housekeeping' yang bernilai ke Arkib Negara Malaysia;
- 2.3.2. pemusnahan rekod-rekod 'Housekeeping' yang tidak bernilai dengan cara teratur dan
- 2.4. memastikan rekod-rekod 'Housekeeping' yang bernilai sejarah dan penyelidikan dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia untuk pemeliharaan.

### 3. **Definisi**

Bagi memperjelaskan tujuan Jadual Pemisahan Rekod Am, berikut adalah definisi untuk beberapa istilah.

#### 3.1. **Rekod Awam**

Menurut Akta Arkib Negara Malaysia No. 44 tahun 1966, "Public Records" (Rekod Awam) ialah "papers, documents, records, registers, printed materials, books, maps, plans, drawings, photographs, microfilms, cinematograph films and sound recordings of any kind whatsoever, officially received or produced by any public office for the conduct of its affairs or by any officer or employee of a public office in the course of his official duties".

**3.2. Pemisahan Rekod**

Pemisahan rekod ialah proses mengasingkan rekod-rekod tidak aktif daripada rekod-rekod aktif oleh sesebuah Jabatan/Agensi Kerajaan. Rekod-rekod berkenaan seterusnya akan dikaji untuk menentukan samada ianya masih perlu disimpan di Jabatan/Agensi Kerajaan untuk tujuan rujukan, dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia untuk simpanan kekal ataupun dimusnahkan.

**3.3. Rekod Aktif**

Rekod Aktif adalah rekod-rekod yang masih digunakan untuk pentadbiran harian sesuatu Jabatan/Agensi Kerajaan; dan rekod-rekod dirujuk lebih dari dua kali dalam setahun. Rekod-rekod ini perlu disimpan di Jabatan/Agensi Kerajaan tersebut.

**3.4. Rekod Tidak Aktif**

Rekod-rekod yang tidak lagi dikehendaki untuk pentadbiran harian Jabatan/Agensi Kerajaan. Ukuran bagi rekod yang tidak aktif ialah rekod-rekod yang tidak pernah dirujuk dalam sesuatu tahun. Rekod-rekod ini perlu dipindahkan ke tempat simpanan yang tidak aktif bagi jangka waktu yang tertentu sebelum rekod-rekod dimusnahkan atau dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia.

**3.5. Rekod-rekod 'Housekeeping'**

Rekod-rekod berkaitan dengan pentadbiran dalaman sesebuah Jabatan/Agensi Kerajaan yang meliputi perkara-perkara seperti pentadbiran, bangunan dan harta, kelengkapan dan bekalan, kewangan serta personel, contoh:-

### **3.5.1. Rekod Pentadbiran**

Rekod-rekod pentadbiran merangkumi perkara-perkara seperti pengurusan akta dan undang-undang, arahan dan perintah Jabatan, persidangan, mesyuarat, seminar, perkhidmatan penerangan, keselamatan pejabat, perhubungan awam, organisasi jabatan dan sebagainya.

### **3.5.2. Rekod Bangunan dan Harta**

Rekod-rekod bangunan dan harta meliputi perkara-perkara seperti tanah dan bangunan pejabat, pembinaan, penyenggaraan dan kemudahan-kemudahan seperti alat hawa dingin, bekalan air, letrik dan sebagainya.

### **3.5.3. Rekod Kelengkapan dan Bekalan**

Rekod-rekod kelengkapan dan bekalan meliputi perkara-perkara seperti pembelian dan penyenggaraan peralatan, kenderaan, pakaian, pelupusan bahan-bahan dan sebagainya.

### **3.5.4. Rekod Kewangan**

Rekod-rekod kewangan meliputi perkara-perkara mengenai perbelanjaan, anggaran belanjawan, hasil pendapatan, audit, tuntutan, elaun, cukai dan sebagainya.



### **3.5.5. Rekod Personel**

Rekod-rekod personel merangkumi perkara-perkara seperti perlantikan, kenaikan pangkat, pertukaran, perkhidmatan, kebajikan kakitangan, persaraan dan sebagainya.

### **3.6. Rekod-rekod 'Functional'**

Rekod-rekod yang diwujudkan oleh sesebuah Jabatan/Agensi Kerajaan ketika melaksanakan fungsi-fungsi asas dan tanggungjawabnya.

## **4. Skop Jadual Pemisahan Rekod Am**

Jadual Pemisahan Rekod Am ini meliputi rekod-rekod 'Housekeeping' yang lazim didapati di semua Jabatan/Agensi Kerajaan. Ia terdiri daripada empat kategori:-

Jadual 1 - Pentadbiran

Jadual 2 - Bangunan dan Harta

Jadual 3 - Kelengkapan dan Bekalan

Jadual 4 - Personel

Jadual ini tidak termasuk siri rekod-rekod kewangan. Jadual Pemisahan Rekod Am untuk siri rekod-rekod kewangan akan diedarkan secara berasingan kelak. Jadual ini juga tidak merangkumi semua jenis rekod 'Housekeeping' yang diwujudkan oleh sesebuah Jabatan/ Agensi Kerajaan. Kemungkinan Jabatan/Agensi Kerajaan mempunyai lebih banyak rekod 'Housekeeping' ataupun tidak mempunyai kesemua rekod-rekod yang telah disenaraikan

## 5. Limitasi Penggunaan Jadual

### 5.1. Pemisahan Rekod 'Housekeeping'

Jadual ini hanya boleh digunakan untuk pemisahan rekod-rekod 'Housekeeping' sahaja dan bukan untuk rekod-rekod 'Functional'.

### 5.2. Tajuk dan Deskripsi Rekod

Oleh kerana Jadual Pemisahan Rekod Am disediakan untuk meliputi rekod-rekod 'Housekeeping' yang lazimnya didapati di semua Jabatan/Agensi Kerajaan dan akibat sistem klasifikasi rekod yang berbeza-beza diantara Jabatan/Agensi Kerajaan, jenis-jenis rekod yang disenaraikan dalam Jadual Pemisahan ini mungkin tidak akan mempunyai tajuk dan diskripsi yang sama dengan tajuk dan kandungan rekod yang didapati di Jabatan/Agensi Kerajaan. Pihak Jabatan/Agensi Kerajaan diminta menghubungi Arkib Negara Malaysia sekiranya menghadapi masalah dalam penggunaan Jadual ini.

## 6. Kuasa Jadual

Seperti termaktub dibawah Seksyen 11 Akta Arkib Negara Malaysia Bil. 44/1966, (Sila lihat lampiran 1) Arkib Negara Malaysia diberi kuasa untuk memberi kebenaran pemusnahan rekod. Melalui Jadual Pemisahan Rekod Am ini, Jabatan dan Agensi Kerajaan diberi kelulusan sekali gus untuk mengambil tindakan-tindakan pemisahan keatas siri-siri rekod 'Housekeeping' yang tercatat dalam Jadual, samada dimusnahkan atau dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia setelah tempoh-tempoh simpanan rekod dipatuhi dan segala tindakan ke atasnya selesai dikendalikan.

Walaupun, Jabatan/Agensi Kerajaan perlu memaklumkan kepada Arkib Negara Malaysia terlebih dahulu mengenai siri-siri rekod 'Housekeeping' yang hendak dimusnahkan.

7. Cara-cara Pemisahan Rekod Didalam Jadual Pemisahan Rekod Am.

7.1. Semakan Tempoh Simpanan

Sebelum tindakan pemisahan rekod dijalankan, Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah memastikan bahawa siri-siri rekod berkenaan didapati dalam Jadual Pemisahan Rekod Am, tempoh-tempoh simpanan rekod yang dicadangkan telah dipatuhi dan segala tindakan ke atas rekod-rekod tersebut telah selesai. (Tempoh-tempoh simpanan rekod yang tercatat dalam Jadual dikira dari tarikh sesebuah fail ditutup).

7.2. Pemisahan Rekod-rekod 'Housekeeping'

7.2.1. Makluman Pemusnahan Rekod Kepada Arkib Negara Malaysia

Sebelum pemusnahan rekod-rekod 'Housekeeping' yang tercatat dalam Jadual dilaksanakan, pihak Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah memaklumkan kepada Arkib Negara Malaysia mengenai siri-siri rekod yang akan dimusnahkan dengan menyatakan ukuran meter panjang rekod serta tarikh-tarikh rekod yang diliputi. Jabatan diminta mengisi Borang Maklumat Pemusnahan Rekod PR 1/95 dan memajukannya ke Arkib Negara Malaysia. (Sila lihat lampiran 2).

### **7.2.2. Rekod 'Housekeeping' Yang Dipindahkan Ke Arkib Negara Malaysia**

Sebahagian daripada rekod-rekod 'Housekeeping' mempunyai nilai sejarah/penyelidikan selepas nilai pentadbirannya tamat. Rekod-rekod tersebut hendaklah dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia. Rekod-rekod 'Housekeeping' yang telah dikenalpasti untuk simpanan kekal di Arkib Negara Malaysia perlu disenaraikan dalam Senarai Pemindahan Rekod (Sila lihat lampiran 3). Sebelum pemindahan rekod dibuat, Cawangan Rekod, Arkib Negara Malaysia diberitahu terlebih dahulu supaya persediaan pemindahan rekod dapat diuruskan.

### **7.3. Lanjutan Tempoh Simpanan Rekod**

Tempoh-tempoh simpanan rekod dalam jadual ini diputuskan selepas kajian yang teliti. Jika Jabatan/Agensi Kerajaan ingin menyimpan rekod-rekod untuk tempoh yang lebih lama daripada yang ditetapkan dalam jadual, Jabatan/Agensi Kerajaan boleh berbuat demikian dengan menghubungi Arkib Negara Malaysia secara bertulis. Akan tetapi Jabatan/Agensi Kerajaan tidak dibenar melupuskan rekod lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan dalam Jadual tanpa persetujuan daripada Arkib Negara Malaysia.

8. Pemisahan Rekod-rekod 'Housekeeping' Di Luar Jadual Pemisahan Rekod Am

8.1. Pemisahan Rekod-rekod 'Housekeeping' yang tidak tercatat dalam Jadual Pemisahan Rekod Am

Bagi Pemisahan Rekod-rekod 'Housekeeping' yang tidak tercatat dalam Jadual Pemisahan Rekod Am, pemisahan rekod-rekod tersebut harus mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bil.1 Tahun 1997 Pihak Jabatan/Agensi Kerajaan haruslah memajukan dua salinan Senarai Pemindahan Rekod (Sila lihat lampiran 3) kepada Arkib Negara Malaysia untuk mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia bagi pemusnahan rekod-rekod berkenaan.

8.2. Rekod-rekod Yang Bertarikh Sebelum 31 Disember 1948

Rekod-rekod sebelum tarikh ini tidak tertakluk kepada Jadual Pemisahan Rekod Am ini dan rekod-rekod tersebut hendaklah dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia untuk simpanan kekal. Ini adalah berasaskan keputusan Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia bertarikh pada 15 November 1974 dimana semua bahan arkib yang bertarikh sebelum 31 Disember 1948 disimpan kekal. Hanya fail-fail di dalam lingkungan usia tersebut yang tidak mempunyai isi kandungan atau apa jua minit-minut di dalamnya boleh dimusnahkan.

**8.3. Pelupusan Bahan-bahan Bercetak/Kertas Terpakai, Buku Yang Belum Digunakan Dan Usang Daripada Kementerian/Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun.**

Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berhubung dengan pelupusan bahan-bahan bercetak dengan berpandukan kepada Surat Kementerian Kewangan yang bertarikh 3 November 1993 (Sila lihat Lampiran 4) dan berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan 299 berkenaan dengan buku yang belum digunakan dan usang (Sila lihat Lampiran 5).

**8.4. Rekod-rekod Terperingkat**

Bagi rekod-rekod terperingkat seperti rekod Rahsia Besar, Rahsia, Sulit dan Terhad, tindakan penyimpanan, pemindahan dan pemusnahan rekod-rekod berkenaan hendaklah mematuhi Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan 1986) (Sila lihat Lampiran 6) dan Buku Arahan Keselamatan dibawah Pemusnahan Dokumen Terperingkat (Sila lihat Lampiran 7).

**9. Bantuan Dalam Penggunaan Jadual Pemisahan Rekod Am.**

Jabatan/Agensi Kerajaan yang menghadapi masalah dalam penggunaan Jadual Pemisahan Rekod Am ini diminta menghubungi Ketua Cawangan, Cawangan Pengenalan Sumber Maklumat Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur dan Cawangan-cawangan Arkib Negara Malaysia (Sila lihat lampiran 8) untuk penerangan lanjut.

## PENYUSUNAN JADUAL PEMISAHAN REKOD AM

Jadual Pemisahan Rekod Am ini dibahagikan kepada 4 kumpulan rekod utama:-

Jadual 1	- Pentadbiran	- 43 siri
Jadual 2	- Bangunan dan Harta	- 8 siri
Jadual 3	- Kelengkapan dan Bekalan	- 7 siri
Jadual 4	- Personel	- 23 siri

Setiap Jadual ini mengandungi prakata yang menerangkan jadual dan perkara-perkara yang diliputi oleh Jadual.

Satu indeks yang disusun mengikut abjad dan silang rujuk telah dimasukkan. Indeks ini boleh dirujuk untuk mendapatkan tajuk-tajuk utama setiap rekod.

**JADUAL PEMISAHAN REKOD AM**

**REKOD PENTADBIRAN**

**JADUAL 1**



*Rekod*  
*Pentadbiran*

**JADUAL 1**



REKOD PENTADBIRAN

<u>NO.</u>	<u>TAJUK SIRI</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.	Pentadbiran.	16
2.	Agama.	16
3.	Akta/Perundangan/Peraturan.	17
4.	Alamat.	18
5.	Arahan/Pekeliling/Perintah/Peraturan/Panduan.	19
6.	Darurat.	20
7.	Harta.	21
8.	Hubungan Awam dan Seranta.	21
9.	Insuran.	22
10.	Istiadat/Protokol.	23
11.	Istilah.	23
12.	Jawatankuasa.	24
13.	Kemalangan.	24
14.	Kempen dan Rayuan.	25
15.	Kemudahan.	26
16.	Kerjasama dan Kemudahan.	27
17.	Keselamatan.	28
18.	Laporan dan Perangkaan.	31
19.	Lawatan	32
20.	Lembaga/Panel Penasihat.	33
21.	Lencana, Emblem dan Bendera.	34
22.	Lesen dan Permit.	34
23.	Mesyuarat/Perbincangan.	35
24.	Organisasi Jabatan.	36
25.	Pengangkutan dan Perjalanan.	37
26.	Penghargaan.	38

<u>NO.</u>	<u>TAJUK SIRI</u>	<u>MUKA SURAT</u>
27.	Pengurusan Borang.	38
28.	Pengurusan Rekod.	38
29.	Percetakan/Penerbitan.	40
30.	Perhubungan.	40
31.	Perjalanan.	41
32.	Perkhidmatan Perpustakaan.	42
33.	Perkhidmatan Pos.	43
34.	Persidangan, Kongres, Kolokium, Simposium, Seminar dan Bengkel.	44
35.	Pertubuhan, Kelab dan Persatuan.	44
36.	Pilihanraya.	45
37.	Prosesan Data.	45
38.	Rancangan Malaysia.	46
39.	Rekaan, Cap Dagang dan Hak Cipta.	47
40.	Taklimat/Ceramah.	47
41.	Urusan Parlimen.	48
42.	Waktu Bekerja/Sistem Kad Perakam Waktu.	49
43.	Warta Kerajaan.	50

**JADUAL PEMISAHAN REKOD AM**

**JADUAL 1 - PENTADBIRAN**

Jadual 1 adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pentadbiran dalam Jabatan/Agensi Kerajaan yang tidak dimasukkan dalam siri-siri rekod Bangunan dan Harta, Kelengkapan dan Bekalan, Kewangan dan Personel.

Ia meliputi rekod-rekod mengenai pengurusan pejabat, persatuan dan pertubuhan, jawatankuasa, perhubungan, perkhidmatan perpustakaan dan penerangan, keselamatan pejabat, pengangkutan, perhubungan awam, lawatan dan sebagainya.

Jadual ini tidak boleh digunakan untuk pemisahan rekod-rekod 'Functional' yang diwujudkan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan ketika melaksanakan fungsi-fungsi asasnya.

PENTADBIRAN

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
1. <u>Pentadbiran</u>		
1.1 Pentadbiran - Am.	Meliputi perkara-perkara am yang berkaitan dengan fungsi dan aktiviti-aktiviti pentadbiran, huruf ringkas Jabatan/Agensi dan lain-lain hal yang berkaitan.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan.
2. <u>Agama</u>		
2.1 Jawatankuasa Musabaqah Membaca Al-Quran.	Minit mesyuarat jawatankuasa musabaqah membaca Al-Quran dan surat panggilan mesyuarat.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.
2.2 Majlis Maulud Nabi Muhammad S.A.W.	Mengandungi surat jemputan ke upacara sambutan hari Maulud Nabi Muhammad S.A.W. dan edaran kepada kakitangan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
2.3 Majlis Tahlil.	Surat edaran mengenai majlis tahlil, acara majlis, surat jemputan kepada ustaz (Imam Jabatan) dan lain-lain yang berkaitan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
2.4 Musabaqah Membaca Al-Quran/ Tilawah Al-Quran.	Surat menyurat mengenai musabaqah Al-Quran, surat jemputan dan aturcara majlis.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
2.5 Persatuan Agama Untuk Kakitangan Jabatan/ Kementerian.	Surat menyurat mengenai ceramah, edaran ceramah, kuliah-kuliah agama, jemputan menghadiri kursus diluar jabatan dan jadual kuliah.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
3. <u>Akta/ Perundangan/ Peraturan</u>		
3.1 Akta/ Perundangan/ Peraturan- Am.	Surat menyurat am yang berkaitan dengan akta dan perundangan, hujah-hujah dan ucapan-ucapan mengenai akta, penjelasan mengenai akta dan sebagainya.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan.
3.2 Akta/ Perundangan/ Peraturan- Akta Rahsia Rasmi.	Surat-surat perlantikan pegawai-pegawai di bawah kuasa undang-undang, salinan akta dan surat menyurat mengenai Akta Rahsia Rasmi.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan.
3.3 Akta/ Perundangan/ Peraturan- Enakmen Negeri.	Surat menyurat mengenai enakmen sesebuah negeri, pindaan-pindaan dan hal-hal yang berkaitan dengannya.	- sama -
3.4 Akta/ Perundangan/ Peraturan- Jabatan.	Surat menyurat mengenai penjelasan akta Jabatan/Agensi seperti definisi dan istilah, pindaan laporan-laporan mesyuarat, kertas-kertas cadangan penggubalan akta dan surat menyurat dengan Peguam Negara dan lain-lain yang berkaitan.	- sama -

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
<p>3.5 Akta/ Perundangan/ Peraturan- Kementerian/ Agensi/ Jabatan Dalam Dan Luar Negeri.</p>	<p>Mengandungi bil, akta dan perundangan, 'statutory orders' dan peraturan-peraturan Kementerian/Jabatan/Agensi; kertas kerja, laporan-laporan, deraf penggubalan akta, pindaan-pindaan yang dikeluarkan, penjelasan-penjelasan akta dan hal-hal yang berkaitan dengan perkara-perkara diatas.</p>	<p>Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan.</p>
<p>3.6 Akta/ Perundangan/ Peraturan- Khidmat Nasihat Undang-undang.</p>	<p>Surat menyurat mengenai perlantikan Penasihat Undang-undang, senarai tugas pegawai undang-undang, surat menyurat dengan Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dengan undang-undang.</p>	<p>- sama -</p>
<p>3.7 Akta/ Perundangan/ Peraturan- Permohonan Untuk Salinan Akta/ Perundangan/ Undang-undang.</p>	<p>Surat permohonan daripada agensi-agensi, individu-individu dan lain-lain untuk mendapatkan salinan akta, peraturan dan pengiriman akta.</p>	<p>Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 2 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.</p>
<p>4. <u>Alamat</u></p>		
<p>4.1 Alamat -Am</p>	<p>Surat menyurat mengenai nombor telefon dan pengumuman pertukaran alamat, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan swasta, senarai alamat dan nombor telefon.</p>	<p>Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.</p>



Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
5. <u>Arahan/</u> <u>Pekeliling/</u> <u>Perintah/</u> <u>Peraturan/</u> <u>Panduan.</u>		
5.1 Arahan/ Pekeliling/ Perintah/ Peraturan/ Panduan.	Mengandungi arahan, perintah, pekeling, peraturan dan panduan yang diwujudkan oleh Jabatan/Agensi untuk merangkumi pentadbirannya.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan.
5. Arahan/ Pekeliling/ Perintah/ Peraturan/ Panduan-Yang diterima -Pekeliling Am -Surat Pekeliling Am -Pekeliling Perkhidmatan -Surat Pekeliling Perkhidmatan -Pekeliling Perbendaharaan -Pekeliling Kontrak Perbendaharaan -Surat Pekeliling Perbendaharaan -Pekeliling Pendaftaran Kontrak Perbendaharaan -Pekeliling Akauntan Negara.	Mengandungi arahan, perintah, pekeling, peraturan, panduan yang diwujudkan oleh Jabatan/ Agensi Kerajaan yang diterima untuk kegunaan Jabatan sebagai panduan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai. Sila rujuk kepada Arkib Negara sebelum Rekod dimusnahkan.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
<p>...samb. 5.2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Surat Pekeliling Akauntan Negara</li> <li>-Surat Pekeliling JPM dan lain-lain Surat Pekeliling.</li> </ul>		
<p>5.3 Manual Prosedur Kerja (MPK).</p>	<p>Mengandungi surat menyurat mengenai penyediaan MPK, panduan penyediaan MPK, minit mesyuarat mengenai <b>Penyediaan MPK...</b></p>	<p>Rekod disimpan kekal di Jabatan.</p>
<p>5.4 Surat menyurat berkaitan dengan Surat Pekeliling.</p>	<p>Mengandungi surat menyurat berkaitan dengan surat-surat pekeling.</p>	<p>Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.</p>
<p>6. <u>Darurat</u></p>		
<p>6.1 Bantuan Darurat.</p>	<p>Mengandungi hal-hal berhubung tindakan dan bantuan darurat, tindakan berjaga-jaga/keselamatan Kementerian/Jabatan dan hal-hal yang berkaitan.</p>	<p>Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.</p>
<p>6.2 Jawatankuasa Khas Menghadapi Darurat.</p>	<p>Meliputi surat menyurat, panggilan mesyuarat, minit mesyuarat berkaitan dengan perancangan Kementerian/Jabatan semasa keadaan darurat, laporan-laporan dan sebagainya.</p>	<p>- sama-</p>

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
7. <u>Harta</u>		
7.1 Pengisytiharan Harta Pegawai.	Mengandungi borang-borang pengisytiharan harta pegawai-pegawai, laporan pengisytiharan harta dan surat-surat untuk mengemukakan borang-borang pengisytiharan harta.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 25 tahun selepas pegawai berkenaan bersara/ meninggal dunia.
8. <u>Hubungan Awam Dan Seranta</u>		
8.1 Hubungan Awam Dan Seranta-Am.	Mengandungi perkara-perkara pentadbiran mengenai hal ehwal awam dan perhubungan seranta.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
8.2 Aduan Dari Orang Ramai.	Aduan dari orang ramai mengenai perkhidmatan Jabatan (melalui surat, peti cadangan, akhbar dll.) dan tindakan susulan keatas aduan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
8.3 Fail Terapung/ Timbul.	Mengandungi salinan ketiga pelbagai surat menyurat jabatan yang dihantar kepada institusi luar yang diedarkan untuk makluman pegawai/ kakitangan Jabatan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 1 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
8.4 Lawatan Rasmi Orang-orang Kenamaan.	Mengandungi surat pengumuman lawatan, surat/minit berhubung persiapan lawatan, aturcara lawatan, <i>curriculum vitae</i> tetamu kehormat dan lain-lain perkara yang berkaitan.	Rekod di pindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
8.5 Majlis-majlis Rasmi Kerajaan.	Surat-surat jemputan, aturcara majlis, senarai nama wakil Jabatan, surat pengesanan kehadiran dan surat-menyurat berkaitan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
8.6 Pameran.	Surat menyurat mengenai , pameran, jemputan menghadiri pameran/ mengambil bahagian dalam pameran, permohonan pinjaman bahan dan hal-hal lain yang berkaitan.	-sama-
8.7 Persidangan Akhbar.	Mengadungi surat makluman jabatan ke Jabatan Penerangan dan lain-lain media massa berhubung sidang akhbar sesuatu projek serta maklumat-maklumat untuk siaran akhbar.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.
8.8 Pertanyaan Dari Orang Awam.	Surat menyurat pertanyaan dan permohonan maklumat mengenai Kementerian/Jabatan/ Agensi dari orang awam dan surat-surat jemputan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
9. <u>Insuran</u>  Tuntutan Insuran.	Mengandungi surat menyurat berhubung tuntutan pampasan insuran, salinan repot polis, laporan kemalangan dan hal-hal yang berkaitan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun setelah kes selesai.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
9.2 Surat Menyurat Am.	Surat mengenai premium insuran, caruman majikan kepada polisi insuran, nota debit, bayaran premium, perlindungan insuran dan risalah-risalah daripada syarikat insuran.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 2 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
10. <u>Istiadat/Protokol</u>		
10.1 Istiadat/Protokol.	Mengandungi susunan keutamaan pegawai-pegawai kanan kerajaan untuk majlis-majlis rasmi, senarai keutamaan pegawai-pegawai Jabatan/ Kementerian, catatan mesyuarat, pencalonan pegawai-pegawai protokol untuk majlis-majlis rasmi dan surat menyurat dengan Jabatan Perdana Menteri mengenai protokol.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
11. <u>Istilah</u>		
11.1 Istilah-Am.	Senarai istilah mengenai pelbagai bidang, buku panduan istilah, surat menyurat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.
11.2 Jawatankuasa Istilah Jabatan.	Mengandungi surat makluman mesyuarat, minit mesyuarat jawatankuasa istilah Jabatan, buku panduan pembentukan istilah serta senarai istilah yang dikumpul.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
<b>12. <u>Jawatankuasa</u></b>		
12.1 Jawatankuasa Keanggotaan Dalam Jabatan.	Mengandungi surat menyurat mengenai keanggotaan Jabatan dalam Jawatankuasa-jawatankuasa jabatan sendiri mengenai hal-hal perjawatan, pertubuhan, organisasi dan lain-lain berhubung dengan sesuatu lembaga, majlis, jawatankuasa kerja dan sebagainya; termasuk juga fungsi, agenda mesyuarat dan surat menyurat yang berkaitan dengannya.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.
12.2 Jawatankuasa Keanggotaan Luar Jabatan.	Mengandungi surat menyurat mengenai keanggotaan jabatan dalam jawatankuasa-jawatankuasa luar jabatan yang meliputi hal-hal pertubuhan, organisasi dan lain-lain berhubung dengan sesuatu lembaga, majlis, jawatankuasa kerja dan sebagainya; termasuk juga fungsi, agenda mesyuarat dan surat menyurat yang berkaitan dengannya.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai. Sila rujuk kepada Arkib Negara sebelum rekod dimusnahkan.
<b>13. <u>Kemalangan</u></b>		
13.1 Kemalangan-Dasar.	Dasar, peraturan, panduan berhubung dengan kemalangan kenderaan dan kakitangan Kementerian/Jabatan/Agensi.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
13.2 Kemalangan-Kenderaan.	Surat menyurat mengenai kemalangan, salinan laporan polis, laporan kemalangan, surat kepada syarikat insuran dan lain-lain surat yang berkaitan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
13.3 Kemalangan Besar (Kemalangan kakitangan. Sila lihat di bawah Personel -Kemalangan & Kecelakaan).	Surat menyurat mengenai kemalangan, salinan laporan polis, laporan kemalangan, surat kepada syarikat insuran dan lain-lain surat yang berkaitan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 10 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai. Sila rujuk dengan Arkib Negara sebelum rekod dimusnahkan.
14. <u>Kempen &amp; Rayuan</u>		
14.1 Kempen & Rayuan - Anjuran Kementerian/ Jabatan/ Agensi.	Mengandungi minit mesyuarat, kertas kerja, anggaran perbelanjaan kempen, risalah/ poster dan lain-lain yang berkaitan.	Rekod pindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.
14.2 Kempen & Rayuan - Anjuran Lain-lain Kementerian/ Jabatan/ Agensi Meliputi Pelbagai Jenis Kempen & Rayuan seperti:	Mengandungi surat-surat makluman mengenai kempen/ rayuan, surat edaran kepada kakitangan jabatan, senarai nama penyumbang dan surat akuan terima/ucapan penghargaan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
<p>...samb. 14.2</p> <p>-Skim Sumbangan Amal Jariah -Tabung Darah -Skim Amanah Saham Nasional -Rayuan Pembinaan Masjid/Surau/Sekolah -Rayuan Hari Pahlawan -Kebakaran dan Lain-lain.</p>		
<p>15. <u>Kemudahan</u></p>		
<p>15.1 Kantin.</p>	<p>Tender kantin, senarai makanan, salinan lesen kantin, bil sewa, perjanjian sewa kantin dan salinan baucer bayaran, surat-surat perjanjian pengelolaan kantin.</p>	<p>Rekod dimusnahkan selepas 3 tahun perjanjian tamat/selesai.</p>
<p>15.2 Kemudahan Tempat Sembahyang/ Surau.</p>	<p>Surat-surat mengenai sumbangan sejadah, permohonan untuk membesarkan tempat sembahyang, peraturan dan penggunaan bilik sembahyang.</p>	<p>Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.</p>



Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
15.3 Penyewaan Perabot-perabot Kerajaan.	Peraturan penyewaan perabot kerajaan, surat-surat mengenai penyewaan perabot kerajaan, borang-borang permohonan penyewaan perabot-perabot.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 3 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
15.4 Penyewaan Rumah-rumah Kerajaan.	Surat-surat pekeliling berkaitan, borang-borang permohonan untuk menyewa rumah-rumah kerajaan dan kadar sewa bayaran untuk rumah kerajaan, borang permohonan dari pegawai/kakitangan.	- sama -
15.5 Sudut Kopi/ Kafeteria.	<del>Memo</del> mengenai pembelian barang-barang sudut kopi dan peraturan menggunakan sudut kopi, surat mengenai pengurusan kafeteria/kantin dan kemudahan-kemudahan tempat makan.	- sama -
16. <u>Kerjasama Dan Perhubungan</u>		
16.1 Kerjasama Dan Perhubungan Dalam Negeri.	Surat-surat panggilan mesyuarat, laporan ringkas mengenai mesyuarat, aktiviti kerjasama dan perhubungan antara Jabatan/ Agensi Kerajaan Pusat dan Negeri mengenai hal-hal kesenian, kebudayaan, sejarah dan lain-lain yang berkaitan.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
<p>16.2 Kerjasama Dan Perhubungan Luar Negeri (Keahlian dalam sesuatu pertubuhan lihat di bawah pertubuhan, kelab, persatuan luar negeri).</p>	<p>Surat-surat menyurat mengenai aktiviti-aktiviti kerjasama dan perhubungan dengan negara-negara luar dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Bangsa-bangsa Bersatu, Asean, Unesco dan lain-lain untuk mendapatkan maklumat-maklumat, kertas-kerja, pameran, hal-hal kebudayaan, bantuan teknikal dan lain-lain yang berkaitan.</p>	<p>Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan</p>
<p>16.3 Kerjasama Dan Perhubungan - Pusat Pengajian Tinggi.</p>	<p>Mengandungi surat menyurat dengan pihak universiti, kolej dan lain-lain institusi pengajian mengenai soal selidik, akta/peraturan pengajian tinggi, pentadbiran institusi, ijazah-ijazah yang diiktiraf, senarai siswazah dan lain-lain hal yang berkaitan.</p>	<p>Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.</p>
<p>7. <u>Keselamatan</u> 17.1 Keselamatan - Dasar.</p>	<p>Mengandungi arahan, panduan dan pekeliling berhubung hal-hal keselamatan Jabatan/Agensi, keperluan-keperluan keselamatan seperti kawasan larangan/terhad dan langkah-langkah keselamatan yang diambil.</p>	<p>Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.</p>

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
17.2 Bantuan Polis.	Surat menyurat memohon bantuan polis untuk latihan pengawal keselamatan atau upacara tertentu.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 1 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
17.3 Buku Daftar Pelawat.	Mengandungi butir-butir diri pelawat iaitu nama, nombor kad pengenalan, alamat, tujuan lawatan/pegawai yang ditemui, waktu masuk/waktu keluar serta tandatangan.	Rekod <del>dimusnahkan</del> selepas tamat tempoh simpanan 2 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
17.4 Giliran Bertugas Kakitangan Keselamatan.	Senarai giliran bertugas, senarai pegawai/kakitangan bertugas.	- sama -
17.5 Kawalan Kebakaran.	Mengandungi laporan kebakaran dan laporan penyiasaan polis, risalah kawalan dan pencegahan kebakaran, makluman 'firedrill' dan perlantikan AJK kebakaran.	Rekod dimusnahkan selepas tidak diperlukan lagi dan semua tindakan selesai.
17.6 Kebenaran Memasuki Pejabat Selepas Waktu Pejabat.	Permohonan untuk berada di pejabat selepas waktu pejabat, borang kebenaran memasuki Jabatan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 1 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
17.7 Keselamatan Fail.	Laporan kehilangan fail, pekeling mengenai keselamatan fail, memo mengenai pengeluaran maklumat dari fail.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
17.8 Keselamatan Fizikal.	Surat menyurat mengenai keselamatan fizikal bangunan, pemasangan alat-alat keselamatan seperti sistem pemagaran, kunci dan mangga, alat-alat pencegahan kebakaran dan lain-lain.	Rekod disimpan di Jabatan dan di musnahkan apabila tidak diperlukan lagi dan semua tindakan selesai.
17.9 Laporan Kebakaran.	Mengandungi laporan kebakaran dan laporan penyiasatan polis.	Rekod dipindahkan ke Arkib Negara untuk simpanan kekal selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan.
17.10 Laporan Kehilangan Hartabenda.	Laporan kehilangan dan laporan kepada polis.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
17.11 Pas Keselamatan Jabatan.	Surat-surat/borang permohonan pas keselamatan Jabatan, surat penyerahan pas keselamatan dan akuan terima serta memo kepada kakitangan berhubung penggunaan pas keselamatan.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 4 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
17.12 Pas Pelawat.	Mengandungi borang pas pelawat.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 1 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
17.13 Pengawasan Keselamatan.	Surat menyurat mengenai pengawasan keselamatan bangunan, penyimpanan kunci dan mangga.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 2 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.

Tajuk Siri	Deskripsi Rekod	Tindakan Pemisahan
18 <u>Laporan Dan Perangkaan.</u>		
18.1 Laporan-Am	Surat menyurat berhubung penyediaan laporan, arahan supaya memajukan laporan mengikut masa yang ditetapkan, format penyediaan laporan dan sebagainya.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 5 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
18.2 Laporan-Harian/Mingguan.	Mengandungi laporan kerja harian/mingguan kakitangan/unit/bahagian dan surat menyurat berkaitan dengannya.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tempoh simpanan 1 tahun di Jabatan dipatuhi dan semua tindakan selesai.
